

# GITN tingkatkan sistem perkomputeran

BH 21 MAR 2000

GITN Sdn Bhd (GITN), syarikat usaha sama di antara Permodalan Nasional Bhd dan Telekom Malaysia Bhd merancang meningkatkan infrastruktur dan sistem perkomputeran seluruh negara khususnya bagi memenuhi keperluan sektor awam.

Syarikat itu ketika ini sudah membangunkan sebuah sistem agensi Internet, dengan menggunakan konsep Rangkaian Maya Persendirian (VPN) untuk komunikasi peringkat dalaman.

GITN adalah sistem Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan yang meliputi data, imej dan video yang mana perkhidmatannya digunakan oleh pelbagai agensi kerajaan ketika ini.

Pengerusi GITN, Hamad Kama Piah Che Othman berkata, pihaknya sudah melabur kira-kira RM30 juta bagi membangunkan dan mewujudkan kemudahan infrastruktur serta berupaya menampung keperluan yang

semakin meningkat pada masa depan.

Infrastruktur yang ada ketika ini adalah mencukupi dan bersedia digunakan jika terdapat tambahan penggunaan oleh agensi kerajaan lain termasuk lebih 400 agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan wilayah yang masih belum dilengkapi dengan sistem GITN.

"Ketika ini, infrastruktur yang ada berupaya memberikan perkhidmatan kepada agensi kerajaan.

"Bagaimanapun, sekiranya ada permintaan daripada agensi kerajaan lain, kami akan menambah pelaburan bagi meningkatkan rangkaian infrastruktur untuk keperluan pada masa depan," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian perkhidmatan di antara GITN dan 10 lagi agensi kerajaan dan pelancaran Pertubuhan Pengguna GITN (GeniUS) di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis perjanjian dan perasmian itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali. Hadir sama Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim.

Agensi terbabit ialah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia; Jabatan Audit Negara; Bahagian Pentadbiran Kewangan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Penjara; Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso); Jabatan Tanah dan Galian; Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia dan Projek Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan.

GITN juga bertanggungjawab melaksana dan menyediakan agensi kerajaan ke arah e-kerajaan.